

Apakah itu Enterprise Architecture?

Enterprise Architecture (EA) adalah satu pendekatan berstruktur yang diguna bagi mendefinisikan sesebuah organisasi merangkumi pelbagai domain yang berbeza. Pendekatan berstruktur ini merupakan satu amalan dalam mentransformasi sesebuah organisasi melalui pemahaman, penyelarasan, dan perancangan merangkumi 4 domain utama iaitu Bisnes, Data, Aplikasi dan Teknologi.

Enterprise Architecture memberikan satu perspektif baru tentang bagaimana sesebuah organisasi itu digambarkan

Apakah itu 1GovEA?

1GovEA menyediakan rangka kerja dan metodologi bagi membantu sektor awam di Malaysia bagi membangunkan amalan terbaik EA. Tujuan utama 1GovEA adalah bagi menyediakan satu pendekatan umum merangkumi beberapa fasa dan plot templat bagi memastikan pembangunan EA di sektor awam adalah konsisten.

1GovEA memberikan definisi baru bagi sektor awam menghadapi cabaran meliputi aspek bisnes dan teknikal. Melalui amalan EA, sesebuah agensi dapat mewujudkan satu bentuk single view dari aspek busines semasa dan persekitaran teknikal dalam sesebuah organisasi.

Apakah itu Rangka Kerja 1GovEA?

Didefinisikan sebagai satu set elemen teras architecture dalam membina dan melaksanakan amalan EA. Rangka kerja 1GovEA bertindak sebagai panduan bagi menerangkan 6 komponen utama yang diperlukan oleh agensi dalam proses pelaksanaan EA.

Maklumat lanjut mengenai setiap komponen boleh didapati di helaian sebelah

Apakah jangkaan nilai 1GovEA bagi sektor awam di Malaysia?

- 1 Penyatuan strategi di antara aspek Bisnes dan Teknologi
- 2 Pengukuhan hubungan kerjasama setiap agensi
- 3 Menguatkuasakan keupayaan pembangunan dalam sektor awam
- 4 Penjajaran 1GovEA dalam sektor awam melalui Perancangan Strategi ICT

1

Bagaimanakah 1GovEA dilaksanakan?


Pelan pelaksanaan 1GovEA terbahagi kepada beberapa fasa yang melibatkan semua agensi, dimulai dengan MAMPU dan KPKT bagi fasa 1, diikuti oleh agensi terpilih bagi fasa ke-2 dan semua sektor awam bagi fasa seterusnya.

Pendekatan pelaksanaan ini terbahagi kepada 3 peringkat yang disokong oleh Pejabat Pengurusan Projek dan Pejabat Pengurusan Perubahan yang akan melaksanakan keseluruhan pelan.

Pra-Pelaksanaan

Sebelum memulakan pelaksanaan EA, agensi di sektor awam perlu membentuk amalan EA yang dapat dikekalkan.

Agensi juga perlu mewujudkan satu EA repositori bagi membolehkan penyimpanan maklumat dilakukan dengan cara yang berstruktur.



Untuk Sebarang Pertanyaan atau Keterangan Lanjut?

Hubungi:

Malaysia Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU)
 Aras 6, Blok B2
 Kompleks Jabatan Perdana Menteri
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya, Malaysia
 Tel: 03 - 8872 3000 | Faks: 03 - 8888 3721 | Website: www.mampu.gov.my

3



Pelan Tindakan 1Government Enterprise Architecture (1GovEA)

Mengenali




Tadbir Urus

Menerangkan **struktur formal** pelaksanaan **keseluruhan pembangunan dan pengurusan** amalan terbaik EA bagi sesebuah organisasi atau keseluruhan sektor awam.

Pelaksanaan struktur tadbir urus secara formal oleh kerajaan adalah penting demi memacu penggunaan amalan terbaik EA di sektor awam.

MAMPU akan menjadi pusat struktur tadbir urus yang khusus di bawah pelaksanaan 1GovEA dan dikenali sebagai Pejabat Pusat Arkitek. Pejabat Pusat Arkitek ini dipecahkan kepada 3 bahagian yang akan menyelia keseluruhan pelaksanaan EA bagi sektor awam di Malaysia.



Peralatan & Repositori

Menerangkan **peralatan** EA yang sedia ada bagi menyokong pembinaan amalan terbaik EA.

Terdapat 3 elemen utama dalam rangka kerja 1GovEA :

- Repositori**: Satu **pusat** penyimpanan bagi semua kandungan architecture yang dibangunkan berdasarkan metodologi 1GovEA
- Peralatan Pemodelan**: Membantu agensi di sektor awam dengan **mendokumentasi dan memvisualisasi** artifak
- Templat**: **Format standard dan susun atur** bagi dokumen architecture (i.e. Artifak, Serahan & Peralatan)

Metodologi

Menyediakan pendekatan berstruktur bagi memudahkan agensi di sektor awam dalam **membangun, mengurus dan mengoperasi** Enterprise Architecture.


Metodologi 1GovEA mengandungi **panduan menyeluruh** untuk sebuah agensi yang disokong oleh satu set peralatan dan templat untuk serahan dan artifak.

Visi 1GovEA


Mendefinisikan **matlamat jangka panjang** berkenaan hasrat organisasi kearah Enterprise Architecture masa hadapan dan apakah perancangan bagi merealisasikan matlamat tersebut.

Ia menyokong pembangunan EA kerana :

- Bertindak sebagai pusat rujukan semua kerja architectural
- Menyelaraskan objektif kepada semua pemegang taruh




Rangka Kerja 1GovEA



Prinsip

Menyediakan satu **piawaian arkitektur asas** menyeluruh bagi menyokong pembangunan architecture **yang seragam dan konsisten** merentasi setiap agensi.




Prinsip didokumen kan untuk:

- Memberi panduan pada kementerian/ agensi bagi membangunkan EA
- Memacu keperluan fungsi dari perspektif architecture berteraskan amalan terbaik EA
- Menetapkan arahan dan pemahaman asas domain untuk arkitek

Domain Architecture

Memberikan **perincian berstruktur** kemampuan sesuatu sistem berfungsidalam agensi di sektor awam merangkumi **4 domain architecture**.



Penstrukturan operasi organisasi merentasi 4 domain dapat membantu dalam :

- Menghubungkan di antara business dan teknologi** dalam sesebuah organisasi kepada pemegang taruh
- Menyediakan suatu pandangan jitu berkenaan **organisasi semasa dan sasaran Enterprise Architecture**
- Menekankan **hubungan dan kebergantungan** antara elemen dalam 4 domain
- Mengenalpasti **jurang** antara architecture semasa dan sasaran di setiap peringkat, mencari **penyelesaian** untuk mengatasinya
- Mendefinisikan **keperluan arkitektur di masa depan** bagi keseluruhan domain untuk menyokong strategi bisnes sesebuah agensi